

# MASTIKA

NOVEMBER

(K.D.N. 5714)

HARGA 60 SEN

TUAHNYA  
VARSITI  
BERCANSSELORKAN  
WANITA





# MASTIKA

Pertabalan Canselor Universiti Malaya  
Dalam Gema Tradisi Timur

## Pertama kali istiadat lari dari barat

Oleh ADAM ABDUL HAMID

ADA satu perkara yang sangat menarik perhatian sekalian orang di upacara perlantikan Canselor Kedua Universiti Malaya pada 29 September lalu, ianya dijalankan secara tradisi timur.

Rata-rata baik warganegarawan-warganegarawan sendiri mahupun orang asing, mengatakan, upacara itu benar-benar 'berwajah Malaysia'.

Mereka memuji sikap Universiti Malaya, di bawah pimpinan Naib Canselornya Professor Ungku Aziz atas keberaniannya 'merevolusikan' upacara tersebut.

Inilah julung-julung kali,

kata mereka, sebuah universiti mengambil inisiatif sendiri mengadakan upacara pertabalan serupa itu. Universiti-universiti lain ada yang masih mengamalkan tradisi barat.

Tapi setakat manakah kebenaran pandangan mereka itu? Untuk ini, sekarang dilaporkan secara penuh upacara pertabalan tersebut.

Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agung sebagai bakal Canselor Kedua menggantikan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sampai ke Dewan Tunku Canselor pada pukul 8.50 pagi. Ketibaan baginda disambut oleh Professor

Ungku Aziz, isterinya dan lain-lain pegawai.

Setelah berkenal-kenalan, baginda berangkat ke satu bilik khas di bangunan pentadbiran untuk mengenakan Jubah Canselor. Masa ini 30 orang pasukan kompang 'Izhar' dari Kampung Baru, Kuala Lumpur mengarak mengiringi baginda.

Menurut Professor Ungku Aziz, paluan kompang itu ada tiga lagu. Beliau sendiri memilihnya dan ia cukup sesuai bagi tujuan mengiring.

Baginda kemudian keluar dari bilik itu, kali ini siap dengan pakaian Rasmi Canselor. Pasukan kompang pun mula menukarkan rentak, mula-mula perlahan, kemudiannya kuat dan kuat.

Para jemputan dalam dewan yang berjumlah kira-kira 2,000 orang itu semuanya mengalih pandangan ke pintu besar. Mereka memerhatikan dengan penuh minat.

Mula-mula masuk ialah bentara — memegang cokmar, diikuti oleh Ungku Aziz beriringan dengan pendaftar. Kemudian baginda, dan di belakang baharulah pensyarah-pensyarah serta kakitangan yang lain. Semuanya berjubah.

Baginda memakai jubah berwarna biru air laut dan mempunyai lambang Universiti Malaya di lengannya. Ju-

bah itu sebagaimana yang diterangkan oleh Professor Ungku Aziz dibuat di Kelantan.

Tangan baginda dimasukkan ke dalam lengan baju tersebut, sementara hujungnya dipegang oleh dua orang pembantu kecil.

Mereka ialah Fauziah Ishak, anak kepada pensyarah Doktor Fatimah Hamidon dan Lily Ng, anak pensyarah Ng Kian Chua. Kedua-duanya memakai baju kurung merah jambu dengan selempang di bahu.

Dengan keberangkatan baginda itu sekalian para hadirin berdiri. Paluan kompang berhenti, disambut dengan trumpet pula oleh Pasukan Pancaragam Polis Diraja.

Baginda berjalan perlahan-lahan, melangkah berhati-hati. Semua mata tertumpu kepada baginda.

Setelah bersemayam, bahrulah Prof. Ungku Aziz bangun mengumumkan perlantikan baginda, iaitu tepat pada pukul 9.20 pagi.

Serentak dengan ini sepuluh buah rebana ubi yang didatangkan khas dari Kelantan, bertempat di penjuru tingkat atas Dewan Canselor pun di tabuh.

Yang menarik perhatian di sini ialah cara pukulannya telah mempesonakan orang-ramai. Semua mata tertumpu





*Tan Sri Dr. Mohamed Din, bekas Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan, kelihatan sedang menerima Ijazah Kehormat Bahagian Perubatan daripada Tuanku Canselor.*





*Pemain-pemain rebana yang didatangkan khas dari Kelantan sedang menunjukkan permainan di luar Dewan.*

ke arah 20 orang yang bertengkolok kuning, berbaju panas putih dan berkain pelikat itu.

Pukulan tersebut dibuat begitu cara hingga ada masamanya para hadirin berasa bangga, megah, terharu dan bersemangat. Alunannya mengikut rentak, seketika perlahan sementara seketika lagi rancak.

Menurut Professor Ungku Aziz, paluan rebana adalah bunyi yang terkuat sekali dalam seni budaya Melayu dan

ia cukup sesuai digunakan bagi sesuatu pengisytiharan.

Tapi memang benar juga kata Professor Ungku Aziz itu. Ketika rebana tersebut dipalu seluruh Dewan Tunku Canselor bergema.

Setelah selesai, baginda kemudiannya mengumumkan perlantikan semula Hakim Tan Sri Suffian sebagai Pro Canselor, diikuti dengan doa selamat oleh Imam Besar Masjid Negara, Haji Salleh Hassan Parikh.

Selepas itu baginda me-



nyampaikan ijazah tertinggi kepada 25 orang siswazah termasuk tiga ijazah kehormat. Penerima-penerimanya ialah Hakim Tan Sri Suffian (Doktor Kesusastaan), Doktor Tan Chee Khoo (Doktor Undang-undang) dan Tan Sri Doktor Mohammed Din (Doktor Perubatan).

Tiba di sini diadakan satu majlis rihat atau apa yang diistilahkan oleh Professor Ungku Aziz sebagai 'Intermezo'.

Ianya dipenuhi oleh permainan biola Hamzah Dolmat, dengan rakan-rakannya, menyampaikan lagu asli 'Bentan Telani'. Sementara penyanyi Kamariah Noor pula mengalunkan dua rangkap pantun :

*Dalam pesta berwarna warni,  
Ukiran batu junjungan tamu,  
Berbahagia kita di hari ini,  
Mendapat ratu teraju ilmu.  
Memancar kilat di dinihari,  
Sinarnya nyata di air paya,  
Berkat daulat Tuanku*

*Permaisuri,  
Universiti ini ke mercu jaya.*

Kemudian barulah Baginda, Professor Ungku Aziz dan Doktor Tan Chee Khoo, sebagai mewakili penerima-penerima ijazah kehormat, menyampaikan ucapan masing-masing.

Di upacara yang gilang gemilang itu, antara 2,000 para tetamu, termasuk juga 80

orang wakil dari universiti-universiti seluruh dunia.

Mereka, sebaik-baik sahaja upacara tersebut selesai, telah memberi penghargaan yang tidak terhingga kepada Professor Ungku Aziz. Mereka bersalam dan menggoncang-goncang tangan, tanda mengkagumi usaha Ungku Aziz.

Mereka mensifatkan majlis yang sepenuh-penuhnya berbentuk tradisi timur itu 'satu pembaharuan yang patut dibanggakan oleh Malaysia'.

Sebelumnya, kata mereka, belum pernah sebuah universiti di rantau sebelah sini berbuat demikian.

Tetapi kebenaran mereka ini memang dapat dilihat. Ketika Baginda Raja Permaisuri Agung berangkat pulang, sekali lagi rebana tadi telah dipalu, dan di sinilah dapat diperhatikan sejelas-jelasnya reaksi mereka.

Oleh kerana rebana-rebana itu telah dibawa keluar dan ditempatkan di kawasan lapangan, mereka telah mengerumuninya. Ada yang cuba memukulnya, sementara tidak kurang pula yang menggoyang-goyang kaki ketika ianya dipalu.

Sekian tamatnya perlantikan Tuanku Bahiyah Ibn Almarhum Tuanku Abdul Rahman, 42 tahun, sebagai Canselor Kedua Universiti Malaya. Baginda akan memegang jawatan tersebut untuk tujuh tahun.

Sekarang untuk mengetahui lebih lanjut mengenai jubah Kelantan, saya lapurkan sepenuhnya perbuahan saya dengan Professor Ungku Aziz pada 15 September lalu.

Menurutnya, beliau sering kali berulang alik ke Kelantan sejak akhir-akhir ini. Pada hal sudah dekat 20 tahun negeri itu tidak dijengahnya.

Dulu beliau pergi ke sana kerana meninjau keadaan ekonomi orang Melayu, tetapi sekarang semata-mata untuk menguruskan jubah itu di kedai Cik Minah Penambang.

"Kalau tidak susah juga saya nak ke Kelantan. Kerja saya lain banyak."

Beliau memberitahu, jubah itu direka oleh Andy Chew yang memenangi hadiah pertama peraduan pakaian Sistem Penerbangan Malaysia dulu.

Kainnya berwarna biru, disulam dengan benang emas 'Sisik Kelar' (keluh kata orang Kelantan), dan tiap-tiap sebidang panjangnya tujuh ela.

Kata Ungku Aziz, adalah lebih berfaedah memberikan wang beribu-ribu ringgit untuk jubah itu kepada orang tempatan daripada orang luar-negeri. Di samping kita menolong, kita juga dapat menilai pengeluaran negara sendiri.

Inilah pertama kalinya pa-

kaian seumpama itu dibuat di tanahair kita, sedangkan sebelumnya ia ditempah di England. Bagaimanapun Ungku Aziz cukup yakin tentang nilai dan mutunya.

Beliau memang berazam hendak membuktikan bahawa hasil tangan Malaysia juga setanding dengan hasil-hasil luarnegeri.

"Jadi sambil-sambil saya jumpa Cik Minah, saya pun merayaulah cari rebana sama. Untung juga saya dapat di Kampung Kuau, Bacok," Kelantan.

Untuk ke sana beliau terpaksa berjalan sejauh dua batu. "Tapi tak jadi perkara-lah sebab biasanya pagi-pagi saya berjalan tiga empat batu, berlari sebatu."

Penerangan Ungku Aziz ini saya tidak hairan. Memang sudah menjadi tabiatnya — apa yang dia mahu mesti ada dan mesti dapat. Walau ke laut hijau sekalipun mencarinya.

Di Universiti Malaya sendiri pun prinsipnya begitu. Pendek kata semua kakitangan cukup arif dengan sikap beliau yang tegas itu.

Ungku Aziz memberitahu bahawa rebana dipilihnya kerana alat-alat itulah yang mempunyai suara terkuat sekali dalam kebudayaan Melayu.